


Headline	Eksperimen Sharif jadi bisnes		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	18 Nov 2019	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	140,000
Page No	21,22	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	1469 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 31,143
Frequency	Daily	PR Value	RM 93,429



# Eksperimen Sharif jadi bisnes

**TANAMAN CENDAWAN GANTI BISNES PERABOT**

**B**ERANI mencabar diri sendiri dan sedia berdepan risiko menjadikan kekuatan Sharif Taha dalam mengendalikan perniagaannya.

Bermula dengan perniagaan membuat perabot dan perlengkapan pelbagai cabaran telah memaksa lelaki berusia 60 tahun ini berhenti daripada meneruskan bisnes tersebut sekitar tahun 2000.

Oleh kerana jiwa keusahawanananya amat kuat, pemberhentian operasi perniagaan perabot itu tidak pernah mematikan semangatnya.

Sentiasa mendapat sokongan keluarga dan isteri tercinta, Rozita Ramli, 54, bapa kepada tujuh anak ini pantas memikirkan alternatif lain demi mencari rezeki bagi membesarakan anak-anak yang pada masa itu masih bersekolah. Maka, dari situ bermulalah perjalanannya sebagai seorang usahawan cendawan.

Katanya, idea mengusahakan tanaman cendawan bermula secara sekadar mahu mencuba melakukan eksperimen setelah mendapat ilham ketika melawat ke pameran tanaman organik yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di Kuala Lumpur.

"Dalam keadaan sedang berfikir-fikir nak buat apa setelah perniagaan perabot terpaksa dihentikan, ALLAH membuka peluang perniagaan baharu.

"Ketika berlegar-legar santai di pameran itu, kebetulan ada reruai Jabatan Pertanian Malaysia dan mereka menawarkan kursus tanaman cendawan anjuran jabatan pertanian itu, dia mempraktikkan apa yang dipelajari.

Graduan Sarjana Muda Matematik dari Universiti Malaya (UM) ini memberitahu, sekembalinya daripada kursus tanaman cendawan anjuran jabatan pertanian itu, dia mempraktikkan apa yang dipelajari.

"Bermula dengan mahu melakukan eksperimen, dengan izin ALLAH percubaan itu rupanya menjadi gerbang perniagaan buat saya dan sehingga kini saya masih mengusahakan tanaman cendawa," katanya.

Sharif berkata, tidak sekadar mengeluarkan hasil cendawan, Kalong Tengah Mashroom Trade turut memasarkan beg cendawan kepada pengusaha tanaman cendawan lain sekali gus turut berkongsi perniagaan cencawan.

>>MS22



Headline	Eksperimen Sharif jadi bisnes		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	18 Nov 2019	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	140,000
Page No	21,22	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	1469 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 31,143
Frequency	Daily	PR Value	RM 93,429

# Tak kedekut kongsi rezeki

BEKALKAN BEG CENDAWAN TIRAM SUTERA KEPADA PENGUSAHA LAIN

**“**Satu beg pemberian yang saya jual berharga RM18 dan boleh dituai lapan kali dengan keseluruhan tuaian paling minimum 2.5 kilogram. Pulangan keuntungan memang 100 peratus.”

- SHARIF

SHARIF menunjukkan tisu pemberian cendawan tiram sutera.



**S**ETELAH mengikuti kursus tanaman cendawan anjuran Jabatan Pertanian di Kuala Lumpur, Sharif berkata, beliau kemudian segera menterjemahkan ilmu yang dipelajari.

“Oleh kerana mahu mencuba, saya terus bina tempat khas untuk melakukan eksperimen tanaman cendawan dengan modal sekitar RM4,000 di kawasan rumah. “Apa yang ada saya guna, malah pondok untuk tanam cendawan pun saya buat sendiri daripada buluh. Saya juga tidak mahu buat sebarang pinjaman.

“Tanaman cendawan saya ini bermula sekitar tahun 2000 laju tahun yang sama perniagaan perabot dihentikan. Saya tidak tunggu lama untuk bangkit mencari alternatif sumber rezeki demi keluarga. Pada ketika itu cendawan yang saya tanam ialah cendawan tiram kelabu.

“Ketika itu juga boleh dikatakan 95 peratus pengusaha cendawan di Malaysia mengusahakan tanaman cendawan tiram kelabu dan medium tanaman digunakan ialah habuk kayu getah. Alhamdulillah tanaman cendawan tiram kelabu saya semakin dikenali di kawasan Hulu Selangor.

“Melihatkan kepada pencapaian itu, saya mula nampak bahawa tanaman cendawan boleh pergi jauh. Maka dengan sokongan keluarga, saya mulai fokus mengusahakan tanaman kulat ini dengan menubuhkan syarikat Kalong Tengah Mashroom Trade pada tahun 2004,” katanya.

## Cendawan diserang wabak

Menurutnya, pada tahun 2006 dan 2007 merupakan kemuncak perusahaan tanaman cendawan tiram kelabu di kawasan Hulu Selangor.

“Ketika itu di Hulu Selangor sahaja memiliki lebih 65 pengusaha cendawan yang berdaftar dengan Jabatan Pertanian. Tetapi apabila masuk tahun 2010, satu persatu pengusaha cendawan di Hulu Selangor mula tutup operasi dan sehingga kini tinggal seorang sahaja yang masih meneruskan perusahaan ini,” katanya.

Katanya, keadaan tersebut pada masa itu amat memberi tekanan kepada dirinya. “Keadaan itu berlaku kerana cendawan tiram kelabu diserang penyakit kulat hijau. Wabak itu merebak dengan cepat sehingga memaksa ramai



KELOPAK cendawan tiram sutera lebih lebar hasil eksperimen yang dilakukan Sharif.

pengusaha tarik diri daripada meneruskan.

“Saya sendiri terkesan dengan keadaan itu. Ini kerana penyakit itu tidak boleh diwajibkan sebaliknya beg cendawan yang telah dijangkiti perlu dihapuskan. Kerugian yang dihadapi turut memeningkan kepada saya,” katanya.

## Hasilkan formula sendiri

Tidak mahu mengalah, anak kelahiran Melaka ini pantas melakukannya kajian bagi mencari alternatif lain dalam penanaman cendawan.

Kata Sharif, pada tahun 2011 beliau mengorak langkah melakukan kajian berkaitan cendawan tiram sutera menggunakan beg besar dengan sokongan Persatuan Penyelidikan Cendawan Malaysia (PPCM).

“Medium tanaman cendawan jenis ini tidak menggunakan habuk kayu getah sebaliknya jerami padi. Campuran formula dan kajian dilakukan sehingga tahun 2012. Selepas itu barulah saya berani pasarkan. “Tetapi ketika ini saya tidak hanya pasarkan tujuan cendawan, malah turut menawarkan beg besar pemberian cendawan yang mana formulanya dihasilkan oleh saya sendiri.

“Saya tidak jual benih, saya jual beg cendawan yang telah dibenihkan kepada pengusaha-pengusaha cendawan di seluruh Malaysia. Aktiviti permasaran beg pemberian cendawan ini bergiat aktif pada tahun 2015 dan permintaannya amat positif,” katanya.

Sharif memberitahu, beg pemberian cendawan tiram sutera dijual pada harga

RM18 setiap satu.

“Pengusaha boleh memperoleh keuntungan 100 peratus kerana harga pasaran sekilo cendawan tiram sutera yang ditetapkan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) ialah RM18.

“Satu beg pemberian yang saya jual berharga RM18 dan boleh dituai lapan kali dengan keseluruhan tuaian paling minimum 2.5 kilogram. Pulangan keuntungan memang 100 peratus,” katanya.

## Kongsi rezeki

Tidak setakat memikirkan keuntungan semata-mata, lebih daripada itu Sharif mahu berkongsi rezeki dalam kalangan pengusaha tanaman cendawan.

“Menerusi usaha Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Hulu Selangor di pusat Pemuliharaan Dalam Komuniti (PPDK) di Batang Kali telah menjadi batu loncatan dalam mengembangkan lagi perniagaan cendawan tiram sutera oleh Kalong Tengah Mashroom Trade.

“PPDK Batang Kali beg cendawan tiram sutera kami dan mereka berjaya memperoleh keuntungan jualan sebanyak 100 peratus.

“Daripada situ beg pemberian cendawan tiram sutera kami mula dikenali dalam kalangan PPDK Banting, PPDK Soeharto, PPDK Serendah dan banyak lagi.

“Secara tidak langsung Kalong Tengah Mashroom Trade telah membantu pihak lain menjana pendapatan. Kini tidak hanya PPDK di Selangor malah PPDK dari Terengganu dan Johor juga,” katanya.